

# Generasi waja

## Golongan muda perlu sentiasa sedia hadapi cabaran

>>Oleh Siti A'isyah Sukaimi  
sitiaisyah@NSTP.com.my

**P**UTRAJAYA: "Generasi muda hari ini perlu bersemangat waja kerana ia sumber kekuatan kepada mereka, selaras dengan hasrat ingin membentuk masa depan negara lebih cemerlang, sekali gus memartabatkan Malaysia sebuah negara maju menjelang 2020," kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, semangat waja, gigih dan sentiasa bersedia menghadapi cabaran perlu dipupuk dan diasuh di kalangan generasi muda hari ini.

"Ini sebagai bekalan hidup kita kerana sikap, sistem penilaian dan budaya sebagai asas penentu kejayaan negara di hari mendatang.

"Kalau generasi muda kita longlai, tidak bersemangat apakah lagi terjebak dalam masalah sosial seperti dadah, rosaklah masa depan negara kita," katanya dalam ucapan ketika menyambut ketibaan peserta Berbasikal 1Malaysia di Kompleks Perdana Putra, di sini, semalam.

Seramai 110 peserta dari Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tengku Abdullah, Pekan melakukan karyuhan sejauh 342 kilometer selama empat hari bermula Isnin lalu dari perkarian kediaman Perdana Menteri di Pekan, Pahang ke Putrajaya.

Mereka tiba kira-kira jam 9 pagi semalam selepas ber-



BERSEMANGAT..Najib (kiri) bersalaman dengan peserta Berbasikal 1Malaysia di Kompleks Perdana Putra, semalam.

henti di 12 perhentian dan bermalam di Maran dan Bentong, Pahang sebelum ke Serdang, Selangor.

Najib berkata, beliau memuji semangat dan kesungguhan peserta ekspedisi berbasikal itu kerana ia mencerminkan hasrat mereka sekali gus menjadi sekumpulan generasi muda yang boleh diharapkan.

"Saya berharap semangat yang ditunjukkan ini dijadikan bekalan untuk memainkan peranan memberi sumbangan yang besar di samping dapat dirasai kesan dan nilainya kepada negara.

"Penganjuran ekspedisi ini juga diharap dapat memberi kesan mendalam kepada kita," katanya.

Sementara itu, seorang guru SMK Tengku Abdullah, Sakri Hamzah, melahirkan rasa syukur kerana tidak menghadapi sebarang masalah sepanjang ekspedisi berkenaan melainkan hujan yang mengganggu tumpuan dalam perjalanan.

"Malah, kami juga sangat berbangga kerana dapat tiba dengan selamat ke destinasi dituju. Kami sangat teruja dapat memenuhi matlamat ini dengan jayanya," katanya.

Menurutnya, dia terpanggil menyertai ekspedisi itu kerana ingin menunjukkan ketiaamanan dan kepatuhan kepada negara dengan menyumbang tenaga melalui perjalanan jauh bersama pelajar, selain menyumbang

bakti melalui tugas hakiki sebagai pendidik.

"Jika difikirkan memang agak sukar sebenarnya untuk menyempurnakan amanah ini, namun kami tetap bersungguh untuk membuktikan yang kami dalam satu pasukan dapat melakukannya seperti orang lain," katanya.

Pelajar UMP, Mohd Firdaus Mohd Rosli, 22, berkata dia sangat bersyukur kerana sepanjang ekspedisi itu tidak menghadapi masalah yang teruk, malah semua peserta memberikan kerjasama dan komitmen yang baik.

"Walaupun pertama kali mengayuh basikal dalam jarak yang begitu jauh, saya tidak berasa ia suatu masalah, sebaliknya ia menyeronokkan," katanya.

Metro (Setiawati)  
Jumat 3/8/11  
ms 14